

Bil. S 27

**AKTA LESEN RAMPAIAN
(PENGAL 127)**

PERATURAN-PERATURAN LESEN RAMPAIAN (PINDAAN), 2012

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
 2. Penggantian peraturan 3 dari Peraturan-Peraturan Lesen Rampaian dalam Pengal 127.
 3. Pindaan peraturan 4.
 4. Pemansuhan Jadual Kedua.
-

**AKTA LESEN RAMPAIAN
(PENGAL 127)**

PERATURAN-PERATURAN LESEN RAMPAIAN (PINDAAN), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 2(1) dari Akta Lesen Rampaian, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lesen Rampaian (Pindaan), 2012.

Penggantian peraturan 3 dari Peraturan-Peraturan Lesen Rampaian dalam Pengal 127.

2. Peraturan 3 dari Peraturan-Peraturan Lesen Rampaian, dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dimansuhkan dan digantikan dengan peraturan baru yang berikut —

“Permohonan Lesen.

3. Permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat dalam borang dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pihak berkuasa melesen.”.

Pindaan peraturan 4.

3. Peraturan 4 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memotong “secara bertulis” dari baris akhir kedua.

Pemansuhan Jadual Kedua.

4. Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dimansuhkan.

Diperbuat pada hari ini 24 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 17 haribulan Mac, 2012.

**PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI OTHMAN
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.**